

Razaleigh Yakin Gua Musang Milik BN Dalam PRU-13
Bernama
Julai 18, 2011

GUA MUSANG, 18 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) mempunyai harapan cerah mengekalkan kemenangan kerusi Parlimen Gua Musang bersama tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum Ke-13 (PRU-13) tidak lama lagi, kata anggota Parlimen kawasan itu Tengku Razaleigh Hamzah.

Katanya ini berikutan sokongan rakyat terhadap kepimpinan BN yang memenangi kerusi berkenaan pada pilihan raya lepas terus bertambah di samping banyak janji telah dapat ditunaikan.

Beliau turut mengumumkan strategi BN pada pilihan raya kecil DUN Galas November lepas juga akan digunakan kerana ia memberi kesan kepada sokongan rakyat secara berterusan.

"Kita yakin BN boleh menang di kawasan kita ini pada PRU ke-13 nanti kerana rakyat sudah merasai suasana kesepakatan kita bersama dalam membawa perubahan termasuk kemajuan kawasan kampung," katanya ketika merasmikan Kursus Kemantapan Organisasi dan Hala Tuju Perjalanan Umno, dekat sini, pada Isnin.

-- BERNAMA